**BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH MARA**

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2025**

# PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

## PERATURAN PEMARKAHAN

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud kalimah yang bergaris:<br><br>1. لَعِبًا : permainan / mainan<br><br>2. شَرَابٌ : minuman</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua bentuk perbuatan mempersendakan agama:<br><br>1. Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.<br>2. Mengejek / menghina sunnah Rasulullah SAW.<br>3. Menghina golongan ulama / orang soleh.<br>4. Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu / logik akal semata-mata<br>5. Menyanjung perbuatan maksiat.<br>6. Menghalalkan yang haram / mengharamkan yang halal<br>7. Mengoyak / memijak / membakar / meletakkan al-Quran pada tempat yang tidak sepatutnya.<br>8. Melakukan upacara / ritual / memakai lambang agama lain.<br><br>Catatan : Contoh perbuatan / perkataan diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td><br><br>KBAT - Bagaimanakah anda menggunakan aplikasi sosial tersebut untuk menangani perbuatan menghina agama?<br>Rubrik penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan:<br>Saya akan memuatnaik/ menyebarkan maklumat yang betul tentang agama Islam (1m) menggunakan TikTok/ FB/ Insta/ X/ Youtube/ Twitter (1m).<br><br>Catatan :<br>- Jawapan mesti menyatakan tindakan pelajar (1m) dan aplikasi sosial yang terdapat di dalam gambar (1m)</td><td>2m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT - Huraikan implikasi penyalahgunaan aplikasi di atas terhadap negara.<br><br>Rubrik penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>1. Mencemarkan imej negara.<br>2. Keamanan negara tergugat/ terjejas.<br>3. Ekonomi negara menjadi mundur.<br><br>Contoh jawapan:<br>Negara Malaysia akan dipandang rendah oleh negara lain (I). Hal ini kerana banyak penyebaran maklumat yang salah tentang agama Islam (H). Akibatnya, imej agama Islam akan tercemar (HL). Kesimpulannya kita hendaklah menggunakan aplikasi sosial secara berhemah agar imej negara akan dipandang tinggi (K).</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua golongan selain golongan yang hatinya sentiasa mencintai masjid:<br><br>1. Pemimpin yang adil.<br>2. Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT.<br>3. Dua orang yang saling mengasihi / bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>4. Seseorang yang membenci perbuatan maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>5. Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya<br>6. Seseorang yang mengingati Allah SWT sehingga menitiskan air mata.<br><br>Catatan: Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua aktiviti yang boleh dilakukan untuk memakmurkan masjid.**<br>1. Menunaikan solat fardu secara berjemaah.<br>2. Menyertai majlis ilmu / kuliah agama.<br>3. Menyertai program sukan / riadah anjuran masjid.<br>4. Tadarus al-Quran secara berkumpulan.<br>5. Berbuka puasa / Iftar Jamaie di masjid.<br><br>**Catatan:** Mana-mana aktiviti yang dilaksanakan di masjid diterima. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (iii) | **Dua pengajaran hadis:**<br>1. Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (1m) kerana sikap tersebut merupakan suruhan Allah SWT (1m).<br>2. Kita hendaklah memanfaatkan usia muda (1m) dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m).<br>3. Kita hendaklah berusaha untuk mengimarahkan masjid (1m) agar syiar Islam dapat ditegakkan (1m).<br>4. Kita hendaklah saling mengasihi (1m) supaya masyarakat hidup aman damai (1m).<br>5. Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat (1m) agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT (1m).<br>6. Kita hendaklah berusaha memperbanyakan sedekah (1m) kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta / jiwa (1m).<br>7. Kita hendaklah melazimi amalan zikrullah (1m) agar jiwa kita tenang (1m).<br><br>**Catatan:** Jawapan dalam konteks isi di atas sahaja diterima. | 2 isi x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (*c*) | | **Hukum mad lazim kalimi bagi kalimah yang bergaris di bawah:**<br>i. ٱلضَّآلِّينَ : Mad Lazim Kalimi Muthaqqal /Muthaqqal<br>ii. ءَآلْـَٔنَ : Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf / Mukhaffaf<br><br>Catatan : Muthaqqal dan Mukhaffaf dalam satu ayat = 2m | 2 isi x 1m = 2m |

[Lihat halaman sebelah

 © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud nama Allah al-Muntaqim:<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas (1m) dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas (1m).<br>Catatan : Mesti ada perkataan ‘Maha’</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kefahaman mengenai nama Allah al-Muntaqim:<br>1. Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>2. Allah SWT menimpakan azab kepada kaum Quraisy dalam peristiwa ad-Dukhan / kemarau panjang / sehingga debu menutupi mereka kerana menolak dakwah Rasulullah SAW.<br>3. Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan Rasulullah SAW/ diberi keterangan yang jelas.<br>Catatan :<br>1. Jawapan lain tidak diterima<br>2. Jawapan mesti mengandungi balasan / azab / siksaan dan sebabnya<br>3. Tiada jawapan 1 markah</td><td>2 isi x 2m<br>= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua ciri ajaran sesat dari aspek ibadah:<br>1. Menolak kewajipan ibadah fardu.<br>2. Beribadah dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat.<br>3. Menunaikan ibadah haji di tempat yang dianggap suci selain Makkah al-Mukaramah.<br>4. Menghalalkan perzinaan atas alasan nikah.<br>Catatan : Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT-154 AJARAN SESAT DI MALAYSIA<br><br>Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini masih berlaku?<br>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>1. Terpengaruh dengan agenda / propaganda golongan yang mengamalkan ajaran sesat.<br>2. Tidak mendalami ilmu agama.<br>3. Berguru dengan tokoh yang tidak muktabar / diiktiraf.<br>4. Terpengaruh dengan media sosial.<br>5. Taasub dengan pemimpin kumpulan.<br><br>Contoh jawapan:<br>Terpengaruh dengan propaganda golongan yang mengamalkan ajaran sesat (1m) kerana menawarkan kelebihan tertentu (1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>


1223/1(PP) © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Cadangkan langkah yang boleh dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.**<br><br>**Rubrik penskoran:**<br>Kriteria — Skor<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi:**<br>1. Penguatkuasaan undang-undang.<br>2. Kempen kesedaran ajaran sesat.<br>3. Menghadiri majlis ilmu agama.<br>4. Mendampingi orang soleh.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang secara tegas (I). Hal ini supaya, penularan ajaran sesat dapat dibendung (H). Contohnya, melakukan serbuan ke pusat penyebaran ajaran sesat seperti GISBH (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar agar hidup mendapat keberkatan Allah SWT (K). | 4m |
| | (*c*) | (i) | **Sejarah ringkas aliran khawarij:**<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib RA yang berpaling tadah (1m) kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim (1m). | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | Antara prinsip Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.<br><br>**Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan pandangan anda.**<br>**Rubrik penskoran:**<br>Kriteria — Skor<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan/ dalil yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. — 4m | 4m |

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan isi:**<br>1. Pelaku maksiat masih dikira mukmin.<br>2. Peluang untuk pelaku maksiat bertaubat.<br>3. Manusia tidak boleh menghukum seseorang sebagai kafir.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Pelaku maksiat masih dikira mukmin (I). Hal ini kerana mereka masih lagi terikat dengan akidah Islam (H). Kesannya mereka berpeluang untuk memperbaiki diri menjadi lebih baik (HL). Kesimpulannya umat Islam hendaklah sentiasa berpegang teguh dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah supaya akidah Islam tidak terpesong (K). | |
| 3 | (*a*) | (i) | **Maksud solat Sunat Duha:**<br><br>Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari / selepas syuruq (1m) hingga sebelum gelincir matahari (1m). | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (ii) | **Dua amalan yang dianjurkan ketika berlaku gerhana:**<br><br>1. Solat sunat gerhana.<br>2. Memperbanyakkan istighfar / mohon ampun.<br>3. Berdoa.<br>4. Bertakbir / zikir / selawat.<br>5. Sedekah.<br>6. Membaca al-Quran. | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | (iii) | **KBAT- Aminah telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke dua buah institusi pengajian yang terkemuka. Dia buntu untuk membuat pilihan.**<br><br>**Sarankan jenis solat sunat yang sesuai dilaksanakan.**<br>**Rubrik penskoran:**<br><br>**Kriteria** — **Skor**<br>Menyatakan isi — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Melaksanakan Solat sunat Istikharah (1m) untuk membuat pilihan yang terbaik / tepat (1m)<br><br>**Catatan :**<br>- Hanya solat sunat Istikharah diterima. | 2m |


1223/1(PP) © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | **Kemukakan hujah anda untuk membuktikan bahawa solat sunat tersebut boleh meningkatkan keimanan.**<br><br>**Rubrik penskoran :**<br><br>Kriteria / Skor:<br>Menyatakan hujah sahaja. — 1m<br>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan/ dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi:**<br>1. Bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT.<br>2. Redha dengan ketentuan Allah SWT.<br>3. Yakin dengan bantuan Allah SWT.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Solat sunat istikharah menjadikan seseorang bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT (I). Hal ini kerana dia meyakini dengan apa yang telah ditentukan oleh Allah SWT (H). Kesannya hatinya akan menjadi tenang (HL). Kesimpulannya kita hendaklah kembali kepada Allah SWT dalam semua urusan agar memperolehi keberkatan (K). | 4m |
| | (*b*) | (i) | **Maksud talak:**<br>Pembubaran perkahwinan oleh suami (1m) dengan lafaz talak yang jelas / kiasan (1m). | 2 isi x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Perbezaan tempoh idah bagi isteri yang bercerai hidup dan bercerai mati dalam situasi isteri belum putus haid:** | 2 isi x 1m = 2m |

| Situasi | Bercerai hidup | Bercerai mati |
|---|---|---|
| **Tempoh idah** | 3 kali suci | 4 bulan 10 hari |

| Bercerai hidup | Bercerai mati | M |
|---|---|---|
| Jawapan Betul | Jawapan Salah | 1M |
| Jawapan Salah | Jawapan Betul | 1M |
| Tiada Jawapan | Jawapan Betul | 0M |
| Jawapan Betul | Tiada Jawapan | 0M |

***Catatan :*** Jawapan dalam bentuk ayat perbandingan diterima**.**

[Lihat halaman sebelah
© 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA 

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>



KBAT-Berdasarkan keratan akhbar di atas, Jelaskan tindakan yang wajar diambil oleh isteri<br>
Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
1. Melaporkan kepada pihak berkuasa.<br>
2. Mengambil tindakan undang-undang.<br>
3. Mendapatkan khidmat nasihat kaunselor / orang yang berpengalaman / ibubapa.<br>
<br>
Contoh jawapan:<br>
Pihak isteri boleh melaporkan kepada pihak berkuasa (1m) untuk mengelakkan perkara lebih mudarat berlaku (1m).
</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>
KBAT-Ramalkan akibat kepada institusi kekeluargaan sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan baik.<br>
Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan/ dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>
1. Isteri akan menjadi murung.<br>
2. Emosi anak-anak terganggu.<br>
3. Berlakunya perceraian.<br>
4. Pergaduhan /jenayah dalam keluarga.<br>
<br>
Contoh jawapan:<br>
Emosi anak-anak dan pasangan akan terganggu (I). Hal ini kerana mereka hidup dalam keadaan ketakutan (H). Kesannya rumahtangga yang dibina akan porak-peranda (HL). Kesimpulannya kita hendaklah saling bertolak ansur antara pasangan agar rumahtangga yang dibina kekal harmoni (K).
</td><td>4m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua ciri kepimpinan Khalifah Ali bin Abi Talib :<br><br>1. Tegas<br>2. Berpandangan / berfikiran jauh<br>3. Berilmu<br>4. Berani<br><br>Catatan : Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua pencapaian Khalifah Umar bin Al-Khattab dalam aspek sosial:<br><br>1. Mengasaskan takwim Islam (1m) sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah.<br>2. Memperkenalkan undang-undang pentadbiran tanah (1m) untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat.<br>3. Membina kemudahan awam / tali air (1m) untuk kemudahan pertanian.<br><br>Catatan : Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT- "…Sekiranya aku dijalan yang benar, berilah bantuan. Sekiranya aku menyimpang, tegurlah.<br><br>(Ucapan Saidina Abu Bakar selepas dilantik menjadi khalifah)<br><br>Tentukan ciri kepimpinan tokoh tersebut.<br>Rubrik penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>1. Sedia menerima teguran/ berfikiran terbuka<br>2. Merendah diri/ sedia menerima bantuan<br>3. Mengamalkan syura<br>4. Tegas<br><br>Contoh jawapan:<br>Sedia menerima teguran daripada orang lain (1m) supaya pentadbiran negara berjalan dengan lancar (1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>


1223/1(PP) © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | **KBAT-** "…Sekiranya aku dijalan yang benar, berilah bantuan. Sekiranya aku menyimpang, tegurlah.<br><br>(Ucapan Saidina Abu Bakar selepas dilantik menjadi khalifah)<br><br>**Bagaimanakah cara untuk melahirkan pemimpin pelajar yang memiliki ciri di atas.**<br>**Rubrik penskoran:**<br><br>Kriteria — Skor:<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi:**<br>1. Memberi pendedahan melalui proses pengajaran dan pembelajaran.<br>2. Memperkasakan program kepimpinan di sekolah.<br>3. Menerapkan nilai Islam dalam kepimpinan pelajar.<br>4. Menggalakkan pelajar mencontohi kepimpinan ulama terdahulu.<br><br>**Contoh jawapan:**<br>Memperkasakan program kepimpinan di sekolah (I). Hal ini kerana dapat meningkatkan potensi kepimpinan dalam kalangan pelajar (H). Kesannya, pelajar dapat mencontohi kepimpinan Saidina Abu Bakar (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menerapkan ciri-ciri kepimpinan Islam yang sebenar agar pemimpin hebat dapat dilahirkan (K). | 4m |
| | (*b*) | (i) | **Dua sumbangan Sultan Muhammad al-Fateh bin Murad II dalam kerajaan Uthmaniyah**<br><br>1. Membuka kota Constantinople (1m) pada tahun 857H / 1453M<br>2. Menyatukan empayar di utara Balkan (1m) bagi mengelakkan serangan Hungary.<br>3. Mewakafkan Aya Sophia sebagai masjid (1m).<br>4. Membina Kompleks al-Fateh (1m).<br><br>**Catatan :** Jawapan di atas sahaja diterima. | 2 isi x 1m = 2m |

Rubrik penskoran (jadual dalam sel di atas):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. | 4m |

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT-<br>Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera pada zaman kerajaan Uthmaniah telah menyumbang kepada kegemilangan kerajaan tersebut.<br><br>Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.<br><br>Rubrik penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan hujah sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan hujah berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus hujah berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>1. Kesanggupan tentera untuk mempertahankan negara.<br>2. Semangat cintakan negara.<br>3. Mendahulukan kepentingan agama berbanding diri sendiri.<br><br>Contoh jawapan:<br>Tentera pada zaman tersebut sanggup berjuang mempertahankan negara (I). Hal ini kerana mereka mengharapkan reda Allah SWT mengatasi segalanya (H). Kesannya agama Islam tersebar ke seluruh dunia(HL). Kesimpulannya kita hendaklah memperkasakan semangat jihad dalam diri supaya kesucian agama Islam terpelihara. (K).</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim:<br>1. Nama penuh : Ahmad bin Muhammad Ibrahim.<br>2. Tarikh lahir : 15 Mei 1916.<br>3. Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999.<br>4. Gelaran : Professor Emeritus Tan Sri Doktor.<br>5. Pekerjaan : Pensyarah kuliah undang-undang UIAM / Hakim Mahkamah Rayuan / Mahkamah Syariah.<br>6. Ketinggian akhlak : Suka menyebarkan ilmu / menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.<br>7. Tahap pendidikan : Victoria Bridge School Singapura / Raffles Institution Singapura / Raffles College Singapura / University of Cambridge.<br><br>Catatan : Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hasil karya Ahmad bin Ibrahim<br><br>1. Buku Undang-undang keluarga Islam di Malaysia / Family Law In Malaysia<br>2. Pelopor Jurnal Hukum<br>3. Buku Sistem Undang-Undang Malaysia<br>4. Buku Islamic Law In Malaysia / Undang-Undang Islam di Malaysia<br><br>Catatan : Jawapan di atas sahaja diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td rowspan="2">5</td><td rowspan="2">(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud khauf:<br><br>Takut kepada kemurkaan / azab Allah SWT (1m) dengan menjauhi segala larangan-Nya (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td>(ii)</td><td>Hikmah mengamalkan khauf dan raja’:<br><br>1. Melahirkan insan yang sentiasa mengigati Allah SWT (1m) supaya tidak leka dalam setiap keadaan (1m).<br>2. Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh (1m) agar sempurna dalam setiap pekerjaan (1m).<br>3. Meyakini Allah SWT melihat setiap perbuatan (1m) demi mendapatkan hasil yang terbaik (1m).<br>4. Mendidik jiwa insan sentiasa berasa gembira (1m) untuk melakukan kebaikan/ mendapat ketenangan jiwa (1m).<br>5. Mendapat kemanisan iman dalam beribadah (1m) agar mendapat keberkatan / dirahmati (1m).<br>6. Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT (1m) kerana yakin kekuasaan Allah SWT (1m).<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan lain yang merujuk kepada hikmah khauf dan raja’ diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian=1m</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (iii) | **KBAT-** | 2m |




Isu utama yang dinyatakan dalam rajah graf di atas.

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |

**Contoh jawapan:**

1. Rajah Graf di atas menyatakan tentang jumlah kes buli di sekolah daripada tahun 2021-2023 (1m) berlaku peningkatan(1m).
2. Rajah Graf di atas menunjukan perbandingan kes buli (1m) antara tahun 2021 hingga 2023 (1m).

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (iv) | **KBAT-** | 4m |

**Bandingkan jumlah kes buli pada tahun 2021 sehingga 2023 dengan mengaitkannya dengan konsep khauf dan raja'.**

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. | 4m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Cadangan isi:<br>1. Statistik menunjukkan kes buli meningkat pada tahun 2023 berbanding 2022.<br>2. Rajah graf ini menunjukkan peningkatan kes buli pada tahun 2022 berbanding 2021.<br>3. Rajah graf ini menunjukkan tahun 2021 kes buli paling rendah sebanyak 326 kes sahaja manakala tahun 2022 meningkat.<br>4. Rajah graf ini menunjukkan tahun 2023 kes buli paling tinggi sebanyak 4994 kes berbanding tahun 2022 dan 2021.<br><br>Contoh jawapan:<br>Statistik menunjukan berlaku peningkatan kes buli pada tahun 2021 hingga 2023(I). Hal ini kerana kurang penghayatan berkaitan konsep khauf dan raja’ di sekolah (H). Kesannya, pelajar tidak merasa gerun apabila melanggar disiplin sekolah (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah menerapkan konsep khauf dan raja’ dalam diri supaya kes buli ini dapat dibendung(K).<br><br>Catatan :<br>- Jawapan hendaklah merujuk kepada sifat Khauf (takut) dan raja’ (mengharap) dalam diri pelajar.<br>- Jawapan mesti menjelaskan perbandingan 2 tahun atau lebih.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud alam sekitar:<br><br>Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) yang terdapat di sekeliling manusia (1m).</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua adab menjaga alam sekitar:<br><br>1. Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>2. Sentiasa memelihara alam sekitar / tidak melakukan sebarang kerosakan.<br>3. Sentiasa memulihara alam sekitar / menanam semula pokok.<br>4. Tidak membuang sampah/ sisa buangan merata-rata.<br>5. Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan / kebersihan alam sekitar / aktiviti gotong royong.<br>6. Sentiasa menjaga kelestarian alam / kebersihan sungai / udara / tanah.<br>7. Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.<br>8. Sentiasa melaksanakan amalan kitar semula.<br>9. Sentiasa berhemah / berjimat dalam penggunaan sumber air / elektrik / tenaga.<br><br>Catatan: mana-mana jawapan yang munasabah menggunakan ayat yang lengkap diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>


1223/1(PP) © 2025 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>


KBAT-Syorkan cara bagi memastikan kempen di atas berjaya.<br><br>Rubrik penskoran:<br>
<table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table>
<br>Cadangan isi:<br>- Membuat promosi di media sosial / masjid / surau.<br>- Mengadakan aktiviti yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan.<br>- Menggalakkan penglibatan seluruh anggota masyarakat.<br><br>Contoh jawapan:<br>Pihak kerajaan hendaklah membuat promosi melalui media sosial (1m) agar maklumat kempen tersebut tersebar luas (1m).</td><td>2m</td></tr>
</table>

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (iv) | **KBAT-** Huraikan kepentingan kempen tersebut dalam masyarakat. | 4m |

**Rubrik penskoran:**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh / kesan / dalil yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

1. Masyarakat akan lebih prihatin untuk menjaga alam sekitar.
2. Masyakarat tidak mencemarkan alam sekitar .
3. Masyarakat mempunyai kesedaran untuk mengadakan aktiviti kitar semula.
4. Generasi akan datang dapat menikmati keindahan alam.

**Contoh jawapan:**
Masyarakat akan lebih prihatin untuk menjaga alam sekitar (I). Hal ini kerana alam sekitar perlu diwariskan kepada generasi akan datang (H). Contohnya mengadakan gotong-royong untuk membersihkan kawasan rekreasi (HL). Kesimpulannya kita hendaklah menyahut seruan kempen cintai alam sekitar agar kelestarian alam sekitar dapat dikekalkan (K)

**Catatan:** Jawapan mestilah berfokus kepada **masyarakat.**

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group